

SENARIO PENYELIDIKAN TINDAKAN

<http://myschoolnet.ppk.kpm.my/pNp/kj/latar.htm>

DI LUAR MALAYSIA

Konsep penyelidikan tindakan berasal daripada usaha seorang ahli psikologi sosial yang bernama Kurt Lewin pada tahun 1946. Beliau menggunakan pendekatan penyelidikan tindakan selepas Perang Dunia Kedua dalam usaha menyelesaikan pelbagai masalah dalam komuniti. Beliau mengutamakan dua idea penyelidikan tindakan yang penting iaitu *keputusan kumpulan* dan komitmen untuk *meningkatkan prestasi kerja*. Kedua-dua idea ini merupakan asas pendekatan penyelidikan tindakan yang menegaskan usaha *kolaboratif* atau usaha sama kumpulan dan *meningkatkan lagi mutu prestasi kerja* (Kemmis dan McTaggart: 1988).

Pada tahun 1953, idea Lewin diperkembangkan oleh Stephen Corey di Teachers College, Columbia University, New York sebagai pendekatan penyelidikan yang *diselenggarakan oleh guru-guru di sekolah*. John Elliot (1976) dan rakan-rakannya pula menggunakan kaedah ini dalam Ford Teaching Project di United Kingdom sebagai pendekatan membantu guru mengembangkan usaha *inkuiri* dalam pengajaran dan pembelajaran *di dalam bilik darjah*. Di Eropah, penyelidikan tindakan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha *perubahan* dan *peningkatan mutu pendidikan di sekolah*.

Kemmis dan McTaggart telah mengembangkan penyelidikan tindakan di Australia sebagai alat empirikal dan sistematik untuk meningkatkan prestasi guru di sekolah (Kemmis dan McTaggart: 1988).

DI MALAYSIA

Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP/EPRD), telah memulakan inisiatif untuk membudayakan penyelidikan tindakan di sekolah melalui aktiviti Subprogram 4, iaitu Penyelidikan Pendidikan di bawah program yang dikenali sebagai *Programme for Innovation, Excellence and Research* (PIER). Program pembiayaan Bank Dunia ini bermula pada tahun 1993 sehingga 1996 dengan mengadakan kursus-kursus penyelidikan tindakan kepada guru-guru di seluruh Malaysia serta menyediakan peruntukan untuk menjalankan projek penyelidikan tindakan di sekolah-sekolah. Sebanyak 741 projek penyelidikan tindakan telah berjaya dilaksanakan oleh guru-guru sepanjang program PIER.

Pada tahun 1998 hingga 2000, BPPDP/EPRD telah mendapat peruntukan khas daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah Program Kesedaran Sains untuk membolehkan aktiviti penyelidikan tindakan dilaksanakan. Sebanyak 632 projek penyelidikan tindakan telah dijalankan oleh guru-guru Matematik dan Sains di seluruh negara di bawah peruntukan ini. Manakala bagi kursus penyelidikan tindakan, sebanyak 20 kursus telah dijalankan kepada guru-guru Matematik dan Sains dalam tempoh tiga taun itu.

Sejak tahun 1993, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan telah diadakan oleh BPPDP/EPRD sebagai wahana untuk menyebarkan hasil-hasil penyelidikan, terutama di kalangan guru untuk dikongsi bersama. Di samping itu, beberapa orang guru yang terlibat diberi peluang membentangkan hasil penyelidikan tindakan mereka.

Selain usaha BPPDP/EPRD, terdapat universiti-universiti tempatan dan maktab-maktab perguruan di bawah Bahagian Pendidikan Guru yang terlibat dalam membantu dan memberi sokongan kepada guru-guru dalam usaha mereka mengkaji dan menyelidik isu dan masalah di dalam bilik darjah dan sekolah. Antaranya ialah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, dan Maktab Perguruan Keningau, Sabah.

Disunting oleh Mohd. Isa bin Abd. Razak
10 Februari 2005